



## KENYATAAN MEDIA

### ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)

**Bagi kenyataan tular di media WhatsApp berkenaan perkongsian ilmu/ moral tentang langkah-langkah keselamatan mengelakkan letupan gas dirumah dan dinyatakan nama Ketua Pengarah Pertahanan Awam.**

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) hari ini ingin membuat kenyataan bahawa perkongsian ilmu/ moral tentang langkah-langkah keselamatan bagi mengelakkan letupan paip gas dirumah yang tular di media WhatsApp menggunakan nama Ketua Pengarah Pertahanan Awam adalah bukan kenyataan rasmi oleh Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Kenyataan perkongsian ilmu/ moral berkenaan adalah dari individu lain yang tidak dikenali dengan meletakkan nama Ketua Pengarah Pertahanan Awam bagi tujuan mendapatkan perhatian dari umum dengan lebih berkesan. Walaupun ilmu/ moral yang cuba disampaikan dalam kenyataan tersebut adalah berkaitan dengan langkah-langkah keselamatan namun sesuatu kenyataan yang hendak dikeluarkan mestilah mempunyai maklumat yang lengkap dan fakta yang jelas agar tidak mengelirukan umum.

APM adalah berpendirian tegas dan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana individu yang mengeluarkan kenyataan dengan menggunakan nama Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia tanpa persetujuan rasmi dari APM kerana ianya boleh mencemarkan nama dan imej Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Adalah diharapkan supaya perkara ini tidak berulang dan kepada sesiapa yang menerima apa-apa kenyataan atau perkongsian yang menyatakan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia hendaklah merujuk terlebih dahulu kepada APM sebelum ianya disebarluaskan kepada umum. Sekian.

**ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA  
30 OKTOBER 2019**